

Pecahan kabinet mengikut negeri

Wakil Johor paling ramai

KUALA LUMPUR, Ahad — Johor mempunyai paling ramai wakil dalam kabinet yang diumumkan semalam — empat orang Menteri termasuk Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam, empat Timbalan Menteri dan dua Setiausaha Parlimen.

Sarawak menduduki tempat kedua dengan sembilan orang wakil — tiga Menteri, tiga Timbalan Menteri dan tiga Setiausaha Parlimen.

Ini diikuti oleh Selangor dengan dua orang Menteri tiga Timbalan Menteri dan dua Setiausaha Parlimen manakala Perak dan Kelantan masing-masing mempunyai enam orang wakil.

Terdapat tiga Menteri dan tiga Timbalan Menteri dari Perak manakala Kelantan tiga Menteri, seorang Timbalan Menteri dan dua Setiausaha Parlimen.

Pahang diwakili oleh dua Menteri dan dua Timbalan Menteri.

Sabah, Pulau Pinang dan Trengganu masing-masing mempunyai tiga orang wakil — tiap-tiap negeri dengan seorang Men-

teri dan dua orang Timbalan Menteri.

Kedah hanya diwakili oleh dua orang iaitu Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang baru, Encik Sanusi Junid.

Negeri Sembilan dan Melaka sungguhpun diwakili oleh dua orang seperti Kedah, pecahannya ialah masing-masing seorang Menteri dan seorang Timbalan Menteri.

Perlis tidak mempunyai seorang wakil dalam kabinet baru ini.

Dari segi pecahan parti pula, UMNO mempunyai paling ramai wakil dari barisan 24 Menteri, 24 Timbalan Menteri dan sembilan Setiausaha Parlimen yang diumumkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir.

Jumlah wakil dari UMNO ialah 13 Menteri termasuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, 12 Timbalan Menteri dan empat Setiausaha Parlimen termasuk dua orang yang baru dilantik, Encik Hussein Mahmood (Ahli Parlimen Tanah Merah) dan Sharifah Dorah Mohamed (Ahli Parlimen Semerah).

Kuota MCA tetap kekal dengan empat orang Menteri, lima orang Timbalan Menteri dan seorang Setiausaha Parlimen.

MIC pula mempunyai seorang

Menteri, seorang Timbalan Menteri dan seorang Setiausaha Parlimen.

Gerakan mempunyai seorang Menteri dan seorang Timbalan Menteri manakala Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) seorang Menteri dan dua orang Timbalan Menteri.

SNAP diwakili oleh tiga orang — masing-masing seorang Menteri, seorang Timbalan Menteri dan seorang Setiausaha Parlimen.

Seramai tiga orang mewakili SUPP — seorang Menteri dan dua orang Setiausaha Parlimen — manakala Berjaya pula mempunyai seorang Menteri dan dua Timbalan Menteri.

Berjasa tetap dengan seorang wakil sahaja iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nasir yang kekal dalam portfolio lamanya.

Seperti dalam pentadbiran bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn, dua parti komponen Barisan Nasional iaitu USNO dan PPP tidak mempunyai wakil dalam kabinet.

Yang menarik dalam barisan Menteri-menteri kabinet kali ini terdapatnya barisan pemimpin pelapis yang dalam lingkungan tiga puluhan dan awal empat puluhan yang dinaikkan pangkat. — Bernama.